



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

INDEKS HARGA PENGELUAR (IHPR) PENGELUARAN TEMPATAN, MALAYSIA JUN 2025

Indeks Harga Pengeluar Malaysia menurun 4.2 peratus pada Jun 2025 disumbangkan oleh semua sektor

PUTRAJAYA, 28 Julai 2025 – Indeks Harga Pengeluar Malaysia yang mengukur perubahan harga di peringkat pengeluar, terus menurun 4.2 peratus pada Jun 2025, selepas penurunan 3.6 peratus pada bulan sebelumnya. Ini dilaporkan dalam laporan bulanan terbaharu **INDEKS HARGA PENGELUAR (IHPR) PENGELUARAN TEMPATAN, JUN 2025** diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, menekankan, "Semua sektor mencatatkan penurunan tahun ke tahun pada Jun 2025, dengan sektor Perlombongan dan Pembuatan menjadi penyumbang utama kepada trend negatif keseluruhan indeks. Sektor Perlombongan menurun 8.0 peratus (Mei 2025: -15.0%), dipengaruhi oleh penurunan dalam indeks Pengekstrakan gas asli (-12.0%) dan Pengekstrakan petroleum mentah (-6.7%). Pada masa yang sama, sektor Pembuatan susut 4.3 peratus (Mei 2025: -3.0%) disumbangkan oleh penurunan ketara dalam indeks Pembuatan kok dan produk petroleum bertapis (-17.7%) dan Pembuatan komputer, produk elektronik dan optikal (-7.8%). Sektor Pertanian, perhutanan & perikanan turut mencatatkan penurunan sederhana 0.3 peratus (Mei 2025: 1.8%), dengan indeks Pengeluaran ternakan turun 2.9 peratus. Bagi sektor utiliti, kedua-dua sektor Bekalan elektrik dan gas dan Bekalan air mencatatkan penurunan marginal 0.2 peratus pada Jun 2025."

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menjelaskan lagi, "Pada asas bulan ke bulan, IHPR Pengeluaran Tempatan mencatatkan penurunan sebanyak 0.7 peratus pada Jun 2025,

selepas penurunan 1.1 peratus pada bulan sebelumnya. Sektor Pembuatan susut 1.2 peratus (Mei 2025: -0.5%), disebabkan oleh penurunan dalam indeks Pembuatan kok dan produk petroleum bertapis (-4.2%) dan Pembuatan produk makanan (-3.0%). Sektor Pertanian, perhutanan dan perikanan juga mencatatkan penurunan 1.0 peratus (Mei 2025: -5.4%), disebabkan oleh penurunan dalam indeks Penanaman tanaman kekal (-1.2%) dan Pengeluaran ternakan (-0.8%). Sebaliknya, sektor Perlombongan meningkat 4.6 peratus, meningkat daripada penguncupan 2.3 peratus pada Mei 2025. Peningkatan ini didorong oleh Pengekstrakan petroleum mentah yang meningkat sebanyak 7.0 peratus. Sementara itu, indeks Bekalan air meningkat marginal 0.2 peratus, manakala indeks Bekalan elektrik dan gas menurun 0.2 peratus pada Jun 2025.”

Mengulas lebih lanjut mengenai IHPR Pengeluaran Tempatan mengikut peringkat pemprosesan, Ketua Perangkawan menjelaskan, “Semua peringkat pemprosesan mencatatkan penurunan tahun ke tahun pada Jun 2025, meneruskan trend penurunan sejak Mac 2025. Indeks Bahan mentah untuk diproseskan selanjutnya menurun 5.8 peratus, didorong oleh penurunan dalam Bahan bukan makanan (-7.0%). Indeks Bahan perantaraan, bekalan dan komponen pula mencatatkan penurunan 4.4 peratus, disumbangkan oleh penurunan ketara dalam Bahan api yang diproses dan pelincir (-12.7%). Sementara itu, indeks Barang siap pula menguncup 2.3 peratus, terutamanya disebabkan oleh penurunan dalam Kelengkapan modal (-3.2%).”

Pada asas bulanan, indeks Bahan mentah untuk diproseskan selanjutnya mencatatkan peningkatan 1.2 peratus, manakala Indeks Barang siap merekodkan kenaikan perlahan 0.5 peratus. Namun begitu, indeks Bahan perantaraan, bekalan dan komponen mencatatkan penurunan sebanyak 1.8 peratus.

Ketua Perangkawan Malaysia turut menambah, “IHPR Pengeluaran Tempatan mencatatkan penurunan 3.7 peratus pada suku kedua 2025, berbanding penurunan 0.3 peratus pada suku pertama 2025. Sektor Perlombongan mencatatkan penurunan ketara 13.7 peratus, diikuti oleh sektor Pembuatan (-3.4%) dan Bekalan elektrik dan gas (-0.6%). Namun begitu, sektor Pertanian, perhutanan dan perikanan dan Bekalan air masing-masing mencatatkan peningkatan sebanyak 1.4 peratus dan 0.2 peratus. Sementara itu, perbandingan suku tahunan, IHPR mencatatkan penurunan 2.3 peratus, berbanding peningkatan 1.0 peratus yang direkodkan pada suku sebelumnya. Penurunan ini didorong terutamanya oleh penguncupan dalam sektor Pertanian, perhutanan dan perikanan, Perlombongan dan Pembuatan.”

Perbandingan antara negara terpilih menunjukkan pelbagai trend IHPR bagi Jun 2025. IHPR Amerika Syarikat meningkat 2.3 peratus, berbanding peningkatan 2.7 peratus pada bulan sebelumnya. IHPR Jepun meningkat 2.9 peratus, peningkatan sederhana berbanding 3.3 peratus pada sebelumnya disumbangkan oleh Minuman dan makanan, Jentera elektrik dan Produk logam. Sebaliknya, China terus mencatatkan deflasi pengeluar di mana IHPR turun 3.6 peratus, selepas mencatatkan penurunan 3.3 peratus pada Mei 2025. Ini merupakan bulan ke-33 berturut-turut deflasi di peringkat pengeluar, dipengaruhi oleh penurunan bermusim harga bahan mentah. IHPR Thailand jga turun 4.0 peratus, berbanding penurunan 3.7 peratus pada bulan sebelumnya. Ini merupakan bulan keempat berturut-turut negatif inflasi pengeluar tahunan yang memaparkan trend seperti Malaysia.

Bercakap mengenai harga komoditi terpilih Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menambah, "Menurut Bank Dunia, purata harga minyak mentah Brent pada Jun 2025 adalah USD 71.45 setong, meningkat daripada USD 64.21 setong pada bulan sebelumnya. Peningkatan harga ini didorong terutamanya oleh ketegangan geopolitik yang semakin memuncak, khususnya konflik di Timur Tengah. Selaras dengan itu, Bank Dunia telah menyemak semula unjuran purata harga Brent bagi tahun 2025 kepada USD 72 setong, lebih tinggi daripada unjuran sebelumnya. Sementara itu, harga purata minyak sawit mentah Malaysia pada Jun 2025 adalah RM3,969.00 setan berbanding RM 3,880.50 setan pada Mei 2025. Aliran peningkatan ini disokong oleh permintaan global yang kukuh, terutamanya dari India dan China, yang membantu mengekalkan harga walaupun bekalan yang mencukupi."

Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan menguruskan Jawatankuasa Sistem Statistik Komuniti ASEAN Ke-15 (ACSS15) yang bertujuan untuk memperkukuh kerjasama statistik ke arah pembangunan serantau yang mampan.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki tangga pertama (1) di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan *Open Data Inventory* (ODIN) 2024/25 yang dikeluarkan oleh *Open Data Watch* (ODW), mengatasi 198 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.


Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan 20 Oktober sebagai Hari Statistik Negara (MyStats Day), dengan tema 'Statistik Nadi Kehidupan.' Sementara itu, Hari Statistik Dunia

Embargo : Hanya boleh diterbitkan atau disebarkan mulai jam 1200, Isnin, 28 Julai 2025


Keempat akan disambut pada 20 Oktober 2025 dengan tema '*Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone*'.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


Carta 1: Peratus Perubahan Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Pengeluaran Tempatan, Malaysia




Carta 2: Peratus Perubahan Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Pengeluaran Tempatan mengikut Sektor (Tahun ke Tahun), Malaysia




Carta 3: Peratus Perubahan Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Pengeluaran Tempatan mengikut Peringkat Pemprosesan (Tahun ke Tahun), Malaysia



Carta 4: Peratus Perubahan Indeks Harga Pengguna (IHP) dan Indeks Harga Pengeluar (IHPR) bagi Negara-Negara Terpilih (Tahun ke Tahun)





Sumber: Laman web rasmi *National Statistical Offices (NSOs)* terpilih

Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
28 JULAI 2025**



MEDIA STATEMENT

MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Block C6 & C7, Complex C,
Federal Government Administrative Centre, Precinct 1,
62514, Federal Territory Putrajaya
Telephone no. : 03 - 8090 4681

PRODUCER PRICE INDEX (PPI) LOCAL PRODUCTION, MALAYSIA JUNE 2025

Malaysia's Producer Price Index declined by 4.2 per cent in June 2025 contributed by all sectors

PUTRAJAYA, 28th July 2025 – Malaysia's Producer Price Index (PPI), which measures price changes at the producer level, went down further by 4.2 per cent in June 2025, after a 3.6 per cent decline in the previous month. This was reported today, in the latest monthly report of **PRODUCER PRICE INDEX (PPI) LOCAL PRODUCTION, JUNE 2025**, published by the Department of Statistics Malaysia.

The Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, highlighted, "All sectors registered year-on-year declines in June 2025, with Mining and Manufacturing sectors emerging as the primary contributors to the overall negative trend of the index. The Mining sector declined by 8.0 per cent (May 2025: -15.0%), affected by Extraction of natural gas (-12.0%) and Extraction of crude petroleum (-6.7%) indices. At the same time, the Manufacturing sector went down by 4.3 per cent (May 2025: -3.0%) contributed by significant downturns in Manufacture of coke and refined petroleum products (-17.7%) and Manufacture of computer, electronic and optical products (-7.8%) indices. The Agriculture, forestry & fishing sector also recorded a slight decrease of 0.3 per cent (May 2025: 1.8%), with the Animal production index declined by 2.9 per cent. For the utility sector, both Electricity and gas supply and Water supply posted marginal decreases of 0.2 per cent in June 2025."

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin further explained, "On a month-on-month basis, the PPI Local Production recorded a decline of 0.7 per cent in June 2025, following a 1.1 per cent

decrease in the previous month. The Manufacturing sector went down by 1.2 per cent (May 2025: -0.5%), due to Manufacture of coke & refined petroleum products (-4.2%) and Manufacture of food products (-3.0%) indices. Similarly, the Agriculture, forestry & fishing sector declined by 1.0 per cent (May 2025: -5.4%), weighed down by declines in Growing of perennial crops (-1.2%) and Animal production (-0.8%) indices. In contrast, the Mining sector increased by 4.6 per cent, rebounding from a 2.3 per cent contraction in May 2025. This was mainly driven by the Extraction of crude petroleum, which rose by 7.0 per cent. Meanwhile, the Water supply index increased marginally by 0.2 per cent, while the Electricity and gas supply index decreased by 0.2 per cent in June 2025.”

Elaborating further on the PPI Local Production by stage of processing, the Chief Statistician Malaysia, explained, “All stages of processing recorded year-on-year declines in June 2025 continuing the downward trend since March 2025. The Crude materials for further processing index declined by 5.8 per cent, primarily due to a decrease in Non-food materials index (-7.0%). The Intermediate materials, supplies and components index registered a 4.4 per cent drop, contributed by a sharp decline in Processed fuel and lubricants (-12.7%). Meanwhile, the Finished goods index contracted by 2.3 per cent, mainly driven by the downturn in Capital equipment (-3.2%).”

On a month-on-month basis, the Crude materials for further processing index recorded an increase of 1.2 per cent, while the Finished goods index edged up by 0.5 per cent. In contrast, the Intermediate materials, supplies and components index registered a decline of 1.8 per cent.

The Chief Statistician Malaysia also added, “The PPI Local Production declined by 3.7 per cent in the second quarter of 2025, as compared to a 0.3 per cent decrease in the first quarter of 2025. The Mining sector significantly declined by 13.7 per cent, followed by Manufacturing (-3.4%) and Electricity & gas supply (-0.6%) sectors. However, Agriculture, forestry & fishing and Water supply increased by 1.4 per cent and 0.2 per cent, respectively. Meanwhile, on a quarter-on-quarter basis, the PPI registered a decline of 2.3 per cent, in contrast to a 1.0 per cent increase recorded in the previous quarter. This decrease was primarily driven by contractions in Agriculture, forestry and fishing, Mining and Manufacturing sectors.”

A comparison of selected countries showed mixed trends in the PPI for June 2025. In the United States, the PPI increased by 2.3 per cent, easing from a 2.7 per cent increase in the previous month. Japan’s PPI rose by 2.9 per cent, a moderation from 3.3 per cent,

attributable to Beverages and food, Electrical machinery and Metal products. Conversely, China continued to experience producer deflation, with PPI decreased by 3.6 per cent, following a 3.3 per cent decline in May 2025. This marked the 33rd consecutive month of deflation at the producer level, influenced by seasonal declines in raw material prices. Similarly, Thailand's PPI contracted by 4.0 per cent, as compared to 3.7 per cent drop in the previous month. This marked the fourth straight month of year-on-year negative producer inflation, a similar trend in Malaysia.

Speaking on selected Malaysia's commodity prices, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin added, "According to the World Bank, the average Brent crude oil price in June 2025 stood at USD 71.45 per barrel, an increase from USD 64.21 per barrel in the previous month. The increase in price was primarily attributed to escalating geopolitical tensions, particularly the conflict in the Middle East. In line, the World Bank has revised its average Brent price forecast for 2025 to USD 72 per barrel, up from earlier projections. Meanwhile, Malaysian crude palm oil prices averaged RM 3,969.00 per tonne in June 2025, compared to RM 3,880.50 per tonne in May 2025. The upward trend was driven by robust global demand especially from India and China which helped sustain prices despite ample supply."

ASEAN-Malaysia 2025 Chairmanship: The Department of Statistics Malaysia (DOSM) will chair the 15th ASEAN Community Statistical System Committee (ACSS15) which aims to strengthen the statistical cooperation towards sustainable regional development.

Malaysia, for the first time, ranked as number one (1) globally in the biennial Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 report released by Open Data Watch (ODW), surpassing 198 other countries. This achievement marks a significant leap from its 67th position in the ODIN 2022/23 assessment.

The Government of Malaysia has declared October 20th as National Statistics Day (MyStats Day), with the theme 'Statistics is the Essence of Life'. Meanwhile, the Fourth World Statistics Day will be celebrated on 20th October 2025, with the theme 'Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone'.

OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

Chart 1: Percentage Change of Producer Price Index (PPI) Local Production, Malaysia




Chart 2: Percentage Change of Producer Price Index (PPI) Local Production by Sector (Year-on-Year), Malaysia




Chart 3: Percentage Change of Producer Price Index (PPI) Local Production by Stage of Processing (Year-on-Year), Malaysia






Chart 4: Percentage Change of Consumer Price Index (CPI) and Producer Price Index (PPI) of Selected Countries (Year-on-Year)





Source: Official websites of selected National Statistical Offices (NSOs)

Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
28th JULY 2025